



# **PANDUAN PERMOHONAN UNDI POS KATEGORI 1C SECARA *ONLINE* MELALUI MySPR**

**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA (SPR)**

Kemaskini sehingga: 14 Jun 2023



## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 <u>PRA-SYARAT PERMOHONAN UNDI POS SECARA ONLINE</u>	1
2.0 <u>KAEDAH PERMOHONAN UNDI POS SECARA ONLINE KATEGORI 1C</u>	2
2.1 <u>PERMOHONAN</u>	2
2.2 <u>MUATNAIK BORANG PERMOHONAN YANG TELAH DIPERAKU KETUA JABATAN/MAJIKAN</u>	8
3.0 <u>PEMBATALAN PERMOHONAN UNDI POS</u>	11
4.0 <u>PERTANYAAN</u>	12

---

### HAKCIPTA TERPELIHARA

Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).  
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021



## 1.0 PRA-SYARAT PERMOHONAN UNDI POS SECARA ONLINE

- (a) Syarat-syarat kelayakan untuk membuat permohonan undi pos secara atas talian (*online*) adalah:
- (i) Pemohon hendaklah **berdaftar sebagai pemilih (pengundi)** dengan SPR;
  - (ii) Pemohon adalah layak memohon di bawah **kategori 1C**; dan
  - (iii) Pemohon hendaklah **mendaftar sebagai pengguna MySPR**.
- (b) **Kategori 1C** adalah anggota dari Agensi/Organisasi yang telah diluluskan oleh SPR dan tidak dapat hadir untuk mengundi pada Hari Mengundi kerana bertugas. Agensi/Organisasi tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Jabatan Bomba dan Penyelamat;
  - (ii) Jabatan Penjara Malaysia;
  - (iii) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM);
  - (iv) Jabatan Kesihatan (**bagi penjawat awam (petugas kesihatan) yang bertugas di hospital/klinik dan lain-lain pusat kesihatan sahaja**);
  - (v) Sukarelawan Simpanan Polis (PVR);
  - (vi) Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
  - (vii) Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM);
  - (viii) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA);
  - (ix) Jabatan Pendaftaran Negara – *Urban Transformation Centre* (UTC); dan
  - (x) Tenaga Nasional berhad (TNB).

---

### HAKCIPTA TERPELIHARA



## 2.0 KAEDAH PERMOHONAN UNDI POS SECARA ONLINE KATEGORI 1C

### 2.1 PERMOHONAN

Di bawah adalah langkah-langkah untuk memohon undi pos Kategori 1C.

1. Pilih mana-mana pelayar seperti Internet Explorer, Chrome dan Mozilla FireFox dengan versi terkini.
2. Layari <https://myspr.spr.gov.my/login>
3. Masukkan:
  - a. Nombor Kad Pengenalan,
  - b. Kata laluan; dan
  - c. Captcha.

The image is a composite of two screenshots. On the left, there is a photograph of the Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) building, which is a modern, angular white skyscraper with a glass facade. On the right, there is a screenshot of the 'MySPR' online login interface. The interface features a logo at the top right with the text 'MySPR'. Below it is a form with fields for 'NO. KAD PENGENALAN', 'KATA LALUAN', and 'CAPTCHA'. The CAPTCHA code shown is '2350'. A large blue button labeled 'LOG MASUK' is prominently displayed. At the bottom of the interface, there are links for 'Hotline SPR +603 8892 7018', 'Untuk warganegara Malaysia', and 'Panduan Pengguna'. The overall layout is clean and professional, designed for easy navigation.


---

#### HAKCIPTA TERPELIHARA


Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).  
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021



4. Pada bahagian **PERMOHONAN**, klik pada menu [**Permohonan Undi Pos**].



5. Seterusnya, klik pada menu [**Borang Permohonan**].



6. Di **BAHAGIAN A (MAKLUMAT PEMOHON)**, klik pada dropdown [**Kategori**] dan pilih **Agensi/Jabatan** dari senarai kategori.

**PERINGATAN :**

Pastikan kategori yang dipilih adalah betul. Kesilapan memilih kategori boleh menyebabkan permohonan undi pos **DITOLAK**.

The form contains the following fields:

- BAHAGIAN A (MAKLUMAT PEMOHON)**
- PILIHAN RAYA \***: A dropdown menu with options: Anggota Agensi Pengurusan Maritim Malaysia, Anggota Agensi Pengurusan Bencana Negara, Anggota Angkatan Pertahanan Awam, Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat, Anggota Jabatan Imigresen Malaysia.
- KATEGORI \***: A dropdown menu labeled "SILA PILIH KATEGORI".
- SEBAB MEMOHON UNDI POS\***: A dropdown menu labeled "SILA NYATAKAN SEBAB JIKA LAIN-LAIN".
- SILA NYATAKAN (JIKA SEBAB ADALAH LAIN-LAIN):** A text input field.
- MAKLUMAT PERIBADI PEMUJUH**
- NAMA PENUH**: Text input field containing "XXXXXXXXXXXXXX".
- NO. KAD PENGENALAN (MYKAD)**: Text input field containing "XXXXXXXXXX".
- NO. TELEFON BIMBIT**: Text input field containing "XXXXXXXXXXXX".
- E-MEL \***: Text input field containing "XXXXXXXXXXXXXXXXXX".
- NO. TELEFON PEJABAT**: Text input field labeled "No. Telefon Pejabat".
- NO. FAKS**: Text input field labeled "No. Faks".

**HAKCIPTA TERPELIHARA**



7. Pada bahagian **MAKLUMAT PERIBADI PEMILIH**, masukkan No. Telefon Pejabat dan No. Faks (jika ada).

MAKLUMAT PERIBADI PEMILIH	
NAMA PENUH	XXXXXXXXXXXX
NO. KAD PENGENALAN (MYKAD)	XXXXXX
NO. TELEFON BIMBIT	XXXXXXX
E-MEL*	XXXXXXXXXXXX
NO. TELEFON PEJABAT	No. Telefon Pejabat
NO. FAKS	No. Faks

8. Semak **DAFTAR PEMILIH YANG TELAH DISAHKAN** yang dipaparkan.

DAFTAR PEMILIH YANG TELAH DISAHKAN	
ALAMAT	XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX XXXXXXX -
	83200 SENGGARANG, JOHOR
LOKALITI	150 / 24 / 15 / 002 - PASIR LEBAR
DAERAH MENGUNDI	150 / 24 / 15 - TAMAN SENGGARANG
DUN	150 / 24 - SENGGARANG
PARLIMEN	150 - BATU PAHAT
NEGERI	JOHOR

9. Masukkan alamat surat menyurat/alamat kertas undi perlu dihantar atau klik pada checkbox **[SALIN ALAMAT DARI DAFTAR PEMILIH YANG TELAH DISAHKAN]** jika alamat pemohon adalah sama seperti alamat di bahagian **DAFTAR PEMILIH YANG TELAH DISAHKAN**.

**PERINGATAN :**

Sila pastikan alamat kertas undi pos akan dihantar ini adalah **LENGKAP DAN BETUL**. Kesilapan memasukkan alamat boleh menyebabkan kertas undi pos **TIDAK DAPAT DIHANTAR** kepada pemohon.

---

**HAKCIPTA TERPELIHARA**



ALAMAT SURAT MENYURAT / ALAMAT KERTAS UNDI PERLU DIHANTAR	
ALAMAT 1 *	BAHIS 1 ALAMAT
ALAMAT 2 *	BAHIS 2 ALAMAT (MASUKKAN ~ JIKA TADA)
NEGARA *	PIUH NEGARA
NEGERI *	PIUH NEGERI
BANDAR *	PIUH BANDAR
POSKO *	POSKO

10. Masukkan **NO TELEFON UNTUK DIHUBUNGI**, atau klik pada checkbox [**SALIN NO. TELEFON DARIPADA MAKLUMAT PERIBADI PEMILIH**].

NO TELEFON UNTUK DIHUBUNGI		
PIUH NEGARA	*	NO TELEFON UNTUK DIHUBUNGI
<input type="checkbox"/> SALIN NO. TELEFON DARIPADA MAKLUMAT PERIBADI PEMILIH		

11. Baca dan semak dengan teliti **BAHAGIAN B (PERMOHONAN)**, dan tandakan pada checkbox pada pengakuan dan klik [**Daftar**].

BAHAGIAN B (PERMOHONAN)	
1. Saya seperti nama diatas memohon supaya kertas undi pos dihantar kepada saya ke alamat di atas kerana saya berhak untuk mengundi melalui pos berdasarkan kategori yang tersebut diatas. 2. Pada masa sekarang saya didakwa sebagai seorang pemilih di Bahagian Pilihan Raya P.033 - BESUT / N.03 - JERTHIH di dalam negeri TERENGGANU	
BAHAGIAN C (PENGAKUAN)	
<input checked="" type="checkbox"/> Saya mengaku bahawa semua keterangan di atas adalah benar dan jika saya didapati memberi keterangan palsu saya boleh didekati di bawah seksyen 191 Kanun Keseksaan dan jika disabitkan boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan yang sama iaitu penjaran tidak lebih daripada 3 tahun dan juga boleh dikenakan denda.	
<a href="#">Kembali</a>	<a href="#">Daftar</a>

12. Klik butang [**Saya Pasti**] sekiranya maklumat yang dimasukkan lengkap dan betul.

**PERINGATAN**

Sila pastikan alamat surat-menyerat yang dimasukkan adalah **LENGKAP** dan **BETUL**.  
Kegagalan tuan/puan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan kertas undi tidak dapat dihantar kepada tuan/puan.

[Saya Pasti](#)   [Isi Semula](#)


13. Permohonan undi anda telah diterima oleh SPR. Walau bagaimanapun, pemohon perlu **mendapatkan perakuan daripada Ketua Jabatan/majikan dan memuatnaik semula borang yang telah diperaku tersebut ke dalam MySPR**.

#### HAKCIPTA TERPELIHARA

Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).  
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021



14. Klik butang [Tutup] pada tetingkap notifikasi.



15. Pada senarai [Transaksi Undi Pos], klik pada ikon PDF dari senarai transaksi untuk mencetak borang permohonan.

#	No. Rujukan	Tarikh Mohon	Kategori	Status	Tarikh Status	Tindakan	Muat Naik Borang
1	XXXXXXXXXXXX	07/02/2022	Anggota Agensi Pengurusan Maritim Malaysia	Menunggu Borang Perakuan	07/02/2022		

16. Cetak borang dan dapatan perakuan dari Ketua Jabatan (**Bahagian C: PERAKUAN**).

#### HAKCIPTA TERPELIHARA

Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).  
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021



BORANG 1C

**PERMOHONAN KERTAS UNDI POS (PENGUNDI POS DALAM NEGARA)**  
Peraturan 3 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003

Kepada: Seliausaha Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia  
Menara SPR, No.2, Jalan P2T, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya

No. Tel : +603 - 8892 7080  
No. Faks : +603 - 8892 7361  
E-mel : upuptc@spr.gov.my  
Laman Web : www.spr.gov.my

**BAHAGIAN A: MAKLUMAT PEMOHON**

Nama : XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX	
No. KP : XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX	
No. Telefon (Bimbil) : XXXXXXXXX	No. Telefon (Pej. / Rum.) :
E-mel : XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX	No. Faks :
Alamat Surat-Menyurat : XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX	
Kategori : ANGGOTA AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA	

**BAHAGIAN B: PERMOHONAN (disi oleh pemohon)**

Saya seperti nama di atas memohon supaya suatu kertas undi pos dihantar kepada saya ke alamat di atas kerana saya berhak untuk mengundi melalui pos berdasarkan kategori yang tersebut di atas.

Pada masa sekarang saya didaftarkan sebagai seorang pemilih di Bahagian Pilihan Raya XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX (Parlimen/DUN)  
di dalam Negeri SELANGOR

Bertarikh : 14/05/2023

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX  
Tandatangan Pemohon

**BAHAGIAN C : PERAKUAN**

Saya dengan ini memperakuan bahawa pemohon bagi kategori di atas tidak dapat hadir mengundi pada hari mengundi kerana  
BERTUGAS PADA HARI MENGUNDI / HARI MENGUNDI AWAL  
(Sila nyatakan sebab dengan jelas)

Bertarikh :

\* Ketua Jabatan / Majikan  
(Tandatangan & Cap Rasmi)

\* Potong mana-mana yang tidak berkeraun

**BAHAGIAN D : STATUS PERMOHONAN (disi oleh Suruhanjaya Pilihan Raya)**

**KEPUTUSAN:**

<input type="checkbox"/> Permohonan diluluskan ; atau	No. Kod Daerah Mengundi :
<input type="checkbox"/> Permohonan ditolak kerana ..... (Sila nyatakan sebab jika permohonan ditolak)	No. Kad Pengenalan :
	No. Bilangan dalam Daftar Pemilih :

dan pemohon telah dimaklumkan melalui :  surat  e-mel  telefon  faks  lain-lain

Catatan:

Bertarikh: \_\_\_\_\_

Tandakan ✓ di dalam salah satu ruangan yang disediakan

Seliausaha  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

\*INI ADALAH CETAKAN KOMPUTER. TANDA TANGAN TIDAK DIPERLUKAN.

**PERINGATAN :**

Sila pastikan:

Ruangan tanda tangan Ketua Jabatan/Majikan ditandatangani DAN dicop rasmi oleh Ketua Jabatan/Majikan dan lengkapkan tarikh. **Kegagalan melengkapkan Bahagian C ini akan menyebabkan permohonan undi pos DITOLAK.**


**Sila muatnaik Borang Permohonan yang telah diperaku oleh Ketua Jabatan/Majikan **DALAM TEMPOH PERMOHONAN UNDI POS DIBUKA.** Kegagalan memuatnaik Borang Permohonan yang telah diperaku dalam tempoh permohonan undi pos dibuka akan menyebabkan permohonan undi pos DITOLAK.**

**HAKCIPTA TERPELIHARA**




## 2.2 MUATNAIK BORANG PERMOHONAN YANG TELAH DIPERAKU KETUA JABATAN/MAJIKAN

1. Klik menu [Transaksi Undi Pos].



2. Klik ikon muat naik  pada bahagian muat naik borang.

3. Klik butang [PILIH DOKUMEN] untuk memilih dokumen untuk dimuatnaik (borang undi pos yang telah diperaku oleh majikan).



### HAKCIPTA TERPELIHARA



4. Dokumen yang dimuatnaik mestilah tidak melebihi 5MB dan format yang dibenarkan iaitu:
  - (i) JPEG;
  - (ii) JPG;
  - (iii) PNG; atau
  - (iv) PDF
5. Setelah memilih dokumen untuk dimuatnaik, klik butang **[Hantar]**.
6. Masukkan nombor kad pengenalan dan kata laluan MySPR. Seterusnya, klik **[MOHON NO. TAC]** untuk meneruskan permohonan atau klik **[BATAL]** untuk kembali ke paparan sebelumnya.

HANTAR BORANG UNDI POS

Adakah anda pasti untuk menghantar permohonan ini? Sila isikan no. kad pengenalan serta kata laluan bagi mendapatkan NO. TAC dan klik MOHON NO. TAC

NO. KAD PENGENALAN  
KATA LALUAN

**MOHON NO. TAC** **BATAL**

7. TAC akan dihantar ke **nombor telefon** dan **e-mel** yang telah didaftarkan dengan **MySPR**. TAC hanya boleh digunakan dalam masa **3 minit**. Sila tunggu 5 minit jika ingin memohon TAC yang baru. Seterusnya, masukkan TAC dan klik **[HANTAR]**.

HANTAR BORANG UNDI POS

Adakah anda pasti untuk menghantar permohonan ini? Sila isikan no. kad pengenalan serta kata laluan bagi mendapatkan NO. TAC dan klik MOHON NO. TAC

TAC anda telah berjaya dihantar ke No. Telefon: +601\*\*\*\*\*9094 dan E-mel: XXXXXXXXX@gmail.com TAC hanya boleh digunakan dalam masa 3 minit. Masukkan no TAC dan klik HANTAR untuk teruskan. Sila tunggu 5 minit jika ingin memohon TAC yang baru.

XXXXXX9094  
.....  
NO. TAC

**HANTAR** **BATAL**

---

#### HAKCIPTA TERPELIHARA



8. Semakan status boleh dilakukan di menu [Transaksi Undi Pos].

TRANSAKSI UNDI POS <small>Permohonan Undi Pos &gt; Transaksi Undi Pos</small>						
Transaksi Undi Pos Senarai Permohonan Undi Pos						
#	No. Rujukan	Tarikh Mohon	Kategori	Status	Tarikh Status	Tindakan
1	PO920221000000074	07/02/2022	Anggota Agensi Pengurusan Moratorium Malaysia	Menunggu Semakan	07/02/2022	

9. Buka e-mel yang didaftarkan di MySPR untuk melihat e-mel **[TELAH DITERIMA DAN SEDANG DISEMAK UNTUK KELULUSAN]** yang telah dihantar kepada pemohon.

Tuan/Puan,

Dimaklumkan bahawa Permohonan Undi Pos tuan/puan **TELAH DITERIMA DAN SEDANG DISEMAK UNTUK KELULUSAN** oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia.

BUTIRAN PERMOHONAN UNDI POS	
NO. RUIJUKAN PERMOHONAN	XXXXXXXXXXXXXX
NAMA	XXXXXXXXXXXXXX
NO. KAD PENGENALAN	XXXXXXXXXXXX
NO. TELEFON	XXXXXXX
KATEGORI	XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX
ALAMAT SURAT MENYURAT	XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX XXXXXXXXXXXX XXXXXXXXXXXX XXXXXXXXXXXX

2. Tuan/puan akan menerima satu e-mel pemakluman setelah SPR meluluskan permohonan tuan/puan.

3. Tuan/puan boleh mencetak borang permohonan undi pos dan membuat semakan status permohonan undi pos dari semasa ke semasa melalui menu "Transaksi Undi Pos" dalam sistem MySPR Daftar.

4. Sila hubungi hotline SPR di talian 03-8892 7080 dalam waktu pejabat atau melalui emel [upup@spr.gov.my](mailto:upup@spr.gov.my) atau melalui sistem aduan di <https://www.spr.gov.my/mi/aduan-pertanyaan> untuk sebarang pertanyaan atau aduan.

Sekian, terima kasih.

Nota: Ini adalah cetakan komputer.  
Tiada tandatangan dan maklumat balas diperlukan.

Pernafian: E-mel ini dan maklumat yang disertakan adalah untuk tujuan permohonan undi pos sahaja. Sebarang salinan semula, pengedaran atau tindakan sedemikian untuk tunutan atau bantahan serta tujuan-tujuan lain adalah dilarang.

10. Permohonan yang **telah diluluskan** oleh SPR akan dimaklumkan sekali lagi kepada pemohon melalui e-mel.

#### HAKCIPTA TERPELIHARA

Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).  
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021




### 3.0 PEMBATALAN PERMOHONAN UNDI POS

Dalam satu-satu masa, hanya satu sahaja permohonan undi pos boleh dibuat. Pemohon perlu terlebih dahulu membatalkan permohonan sedia ada sekiranya ingin membuat permohonan baru. Walau bagaimanapun, permohonan undi pos **TIDAK BOLEH DIBATALKAN** sekiranya permohonan undi pos **TELAH DILULUSKAN** oleh SPR.

Berikut adalah kaedah membatalkan permohonan undi pos di dalam sistem MySPR.

1. Klik pada menu Transaksi Undi Pos



2. Klik ikon pada bahagian Tindakan

TRANSAKSI UNDI POS <a href="#">Halaman Utama</a> > Transaksi Undi Pos							
Transaksi Undi Pos <small>Senarai Permohonan Undi Pos</small>							
#	No. Rujukan	Tarikh Mohon	Kategori	Status	Tarikh Status	Tindakan	Muat Naik Borang
1	POS20220000000020	19/01/2022	Anggota Agenzi Pengurusan Maritim Malaysia	Menunggu Semakan	19/01/2022		

3. Klik butang **[Ya]** untuk meneruskan pembatalan permohonan.



---

#### HAKCIPTA TERPELIHARA



## 4.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan permohonan undi pos secara *online* Kategori 1C, sila hubungi:

- (i) Hotline SPR di talian +603-8892 7080 (8.30 pagi-11.30 malam);
- (ii) E-mel: [upup1c@spr.gov.my](mailto:upup1c@spr.gov.my); atau
- (iii) Melalui sistem aduan di <http://www.spr.gov.my/ms/aduan-pertanyaan>

**-TAMAT-**

---

### HAKCIPTA TERPELIHARA

Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).  
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021